

**PKR: Guna keputusan PRU-13 referendum GST**  
**The Malaysian Insider**  
**September 27, 2011**  
**Oleh G Manimaran**

KUALA LUMPUR, 27 Sept — Parti Keadilan Rakyat (PKR) mahu keputusan pilihan raya umum ke-13, yang dijangka diadakan dalam waktu terdekat, digunakan sebagai referendum dalam menentukan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

PKR berkata di kebanyakan negara yang telah melaksanakan GST, isu itu telah dibawa menjadi isu utama pilihan raya dan keputusan pilihan raya menjadi referendum sama ada rakyat mempersetujui pelaksanaan GST atau tidak.

“PKR tidak menolak GST sebagai satu kaedah percukaian, tetapi mempertikaikan kesesuaian pelaksanaannya pada ketika hanya 1.7 juta rakyat Malaysia dianggarkan layak membayar cukai pendapatan.

“Sebahagian besar rakyat Malaysia tergolong dalam kategori yang dikecualikan dari membayar cukai pendapatan kerana gaji yang rendah,” kata Mohd Rafizi Ismail dalam satu kenyataan dikeluarkan sempena sidang media hari ini.

Rafizi berkata di negara-negara yang telah melaksanakan GST, ia diperkenalkan sebagai ganti kepada cukai pendapatan.

“Kadar cukai pendapatan diturunkan serta-merta apabila GST diperkenalkan, lantas rakyat tidak mengalami bebanan cukai tambahan kerana sumbangan cukai dari rakyat hanya dialihkan dari cukai pendapatan kepada GST,” kata beliau lagi.

Rafizi berkata jika GST dilaksanakan di Malaysia dalam masa terdekat, 10 juta rakyat Malaysia yang selama ini tidak layak membayar cukai terpaksa menanggung bebanan cukai baru.

“Ini akan menambah beban mereka yang terpaksa berdepan dengan persoalan gaji yang rendah, inflasi yang meningkat dan bebanan cukai yang baru,” kata beliau.

Oleh itu kata Rafizi, PKR berpandangan bahawa tumpuan sepatutnya diberi ke atas usaha-usaha melonjakkan pendapatan rakyat melalui campur tangan terus kerajaan.

“Apabila taraf pendapatan rakyat telah dilonjakkan, barulah saiz kumpulan pembayar cukai dapat dibesarkan dan memberi ruang untuk GST dilaksanakan,” katanya.

Malah katanya, pelaksanaan GST akan memberi kesan kepada semua rakyat Malaysia dan sewajarnya menjadi isu besar pilihan raya umum ke-13.

“Rakyat berhak mendapat pengesahan daripada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) sama ada dengan mengundi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke-13, adakah itu bermakna mereka juga turut mengundi untuk membayar cukai baru?

Katanya, pelaksanaan GST seperti yang dicadangkan oleh BN adalah satu perkara besar yang membawa kesan mendalam kepada rakyat.

"Dalam keadaan inflasi yang masih tinggi secara berterusan, pelaksanaan GST dalam masa terdekat dijangka akan menambah bebanan sara hidup rakyat," katanya lagi.

Kata Rafizi, kenyataan Najib yang juga Menteri Kewangan sebelum ini adalah samar-samar dan beliau tidak pula menetapkan tarikh pelaksanaan GST.

"Walaupun Barisan Nasional mengumumkan satu lagi tumpuan keberhasilan negara iaitu untuk mengurangkan kos sara hidup, sehingga sekarang Perdana Menteri tidak menghuraikan pelan pelaksanaan GST walaupun ia akan mempunyai kesan besar kepada kos sara hidup.

"Oleh yang demikian, PKR menyeru BN supaya menjelaskan pendiriannya mengenai pelaksanaan GST termasuklah tarikh pelaksanaan sebelum pilihanraya umum ke-13 diadakan, untuk membolehkan rakyat membuat keputusan yang telus dan tepat," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-guna-keputusan-pru-13-referendum-gst/>